



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU RAI SAMBUTAN JUBLI PERAK (1994-2019)



▲ PERHIMPUNAN AWAL
TAHUN 2019



▲ PERASMIAN ZERO MILE, LARIAN
ZERO MILE DAN JB WAKE UP! &
CAR FREE DAY



▲ SESI CLOCK-IN
SETIAUSAHA MBJB



QR code
(penerbitan rasmi mbjb)

- 3 >> SETITIS TINTA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU
- 4 & 5 >> MBBB RAI SAMBUTAN JUBLI PERAK (1994-2019)
- 6 >> MALAM APRESIASI MEDIA RAI RAKAN MEDIA MBBB
- 7 >> MALAM PENGHAYATAN ISLAM ZAHIR KESYUKURAN SEMPENA TAHUN BAHARU
- 8 >> MAJLIS PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2019
- 9 >> MAJLIS PERASMIAN & PELANCARAN MANUAL DCP JOHOR
- 10 & 11 >> PERASMIAN ZERO MILE, LARIAN ZERO MILE & JB WAKE UP! CAR FREE DAY BERLANGSUNG SERENTAK
- 12 & 13 >> ANJURAN FIESTA MBBB, RAI SAMBUTAN JUBLI PERAK
- 14 & 15 >> SEKITAR PROGRAM & AKTIVITI FIESTA MBBB
- 16 & 17 >> PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21
- 18 >> SESI CLOCK IN SETIAUSAHA BAHARU MBBB
- 19 >> DATUK BANDAR JOHOR BAHRU METERAI 'MOU' BERSAMA PEMIMPIN KOTA TG. PINANG, INDONESIA
- 20 >> MBBB SANA SINI
- 21 >> INFO LAWATAN
- 22 >> KILAS LENSAs
- 23 >> LENSAs SUKAN BANDAR RAYAs

PENAUNG

Dato' Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Abdul Malik bin Haji Ismail
Setiausaha

Ir. Hajah Nazatul Shima binti
Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Fadzlina binti Abdul Malek

SIDANG PENGARANG

Hidayah binti Yusof
Nurul Shafina binti Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat
Norasmah binti Mohd Adros

JURUFOTO

Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYAs JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBB

PEJABAT DATUK BANDAR		JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN		JABATAN LANDSKAP	
Pejabat Am	07-228 2600	Pejabat Pengarah Khidmat Pengurusan	07-219 8371	Pejabat Ketua Pen. Pengarah Landskap	07-228 2635
PEJABAT SETIAUSAHA		Bahagian Pentadbiran	07-219 8359	Bahagian Taman Awam	07-228 2636
Pejabat Am	07-228 2625	Bahagian Teknologi Maklumat	07-219 8069	Bahagian Arborikultur	07-217 4575
TIMBALAN SETIAUSAHA		Bahagian Sumber Manusia	07-219 8183	Bahagian Hortikultur	07-216 7964
Pejabat Am	07-219 8105	Bahagian Ukur Bahan & Kontrak	07-219 8097	JABATAN KEJURUTERAAN	
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM		Unit Dasar, Inovasi & Latihan	07-219 8171 07-219 8114	Pejabat Pengarah Kejuruteraan	07-228 2596
Pejabat Pengarah Korporat & Perhubungan Awam	07-219 8060	Unit Mesyuarat	07-228 2610	Pejabat Am	07-228 2597
Unit Perhubungan Awam (Aduan)	07-219 8061	JABATAN KEWANGAN		Bahagian Pengangkutan Bandar	07-227 7235
Unit Korporat & Penerbitan	07-219 8052	Pejabat Pengarah Kewangan	07-219 8091	Bahagian Kejuruteraan Awam	07-219 8131
Unit Penswastan & Pelaburan	07-228 2627	Bahagian Hasil	07-219 8050	Bengkel Kejuruteraan Awam (Taman Mount Austin) / UTC	07-351 1503
BAHAGIAN AUDIT DALAM		Bahagian Perbelanjaan	07-219 8093	Unit Mekanikal & Elektrikal (Taman Mount Austin)	07-351 3262
Pejabat Am	07-219 8311	Unit Letak Kereta	07-219 8077	Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai	07-219 8125
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG		JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA		JABATAN KESIHATAN	
Pejabat Penasihat Undang-Undang	07-219 8302	Pejabat Pengarah Penilaian	07-219 8223	Pejabat Pengarah Kesihatan	07-228 2619
Pejabat Am	07-219 8305	Bahagian Penilaian	07-227 1055	Bahagian Kesihatan Awam	07-228 2564
Pejabat Am (Mahkamah Bandaraya Johor Bahru)	07-228 2643	Bahagian Pengurusan Harta	07-223 8469	Klinik Bandaraya (JOTIC)	07-228 2630
BAHAGIAN INTEGRITI		Bahagian Tunggakan Cukai Harta & Caj Pemajuan	07-222 9962	Bahagian Kesihatan Alam Sekitar	07-228 2605
Pejabat Am	07-219 8117	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN		JABATAN PELESENAN	
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)		Pejabat Pengarah Perancangan	07-227 1029	Pejabat Pengarah Pelesenan	07-228 2563
Pejabat Am	07-223 8531	Bahagian Kawalan Perancangan	07-219 8218	Bahagian Pelesenan	07-228 2501
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)		Bahagian Rancangan Pemajuan	07-219 8245	Bahagian Penjaja	07-227 7576
Pejabat Am	07-222 4923	JABATAN BANGUNAN		Unit Iklan	07-228 2562
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN		Bahagian Kawalan Bangunan	07-228 2511	JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN	
Pejabat Am	07-219 8229	Bahagian Penguatkuasaan Bangunan	07-219 8237	Pejabat Pengarah Kemasyarakatan	07-223 1026
Direktorat Penguatkuasa (Segget)	07-226 1025	Bahagian Projek Bangunan	07-219 8145	Bahagian Sukan & Pelancongan	07-224 6708
				Bahagian Sosial & Kebudayaan	07-224 4139
				Perpustakaan Sultan Ismail	07-239 1791

SETITIS TINTA



DATO' HAJI AMRAN BIN A. RAHMAN

Datuk Bandar Johor Bahru

Pada 1 Januari 2019, Majlis Bandaraya Johor Bahru menyambut sambutan Jubli Perak iaitu ulang tahun ke-25 perisytiharan Majlis Perbandaran Johor Bahru dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru. Sempena sambutan Jubli Perak, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan pelbagai program menarik juga melibatkan warga bandar raya Johor Bahru seperti Malam Apresiasi Media, Malam Penghayatan Islam, Hari Terbuka (Fiesta MBBJ), Perasmian Zero Mile (KM 0) Johor Bahru, Larian Zero Mile, JB Wake Up! Car Free Day dan Majlis Makan Malam Amal.

Peristiwa bersejarah perisytiharan Johor Bahru sebagai sebuah 'bandar raya' pada 1 Januari 1994 akan terus menjadi kenangan terindah yang bernilai terutama kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru dan seluruh penduduk bandar raya Johor Bahru. Bermula dengan status Lembaga Bandaran (1910-1950), Majlis Bandaran Johor Bahru (1950-1976), Majlis Perbandaran Johor Bahru (1977-1993) sebelum melangkah ke status Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 1 Januari 1994 hingga kini.

Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai pengiktirafan dan kejayaan yang telah dicapai oleh warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru, yang secara tidak langsung membuktikan pentadbiran organisasi ini menuju penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien. Selain itu, semangat bekerja yang lebih proaktif dan komited daripada seluruh warga kerja juga menjadi pemangkin utama ke arah pelbagai kejayaan yang telah berjaya diperolehi kini.

Selaku kepimpinan tertinggi dalam pentadbiran organisasi ini, saya menyeru agar seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru sentiasa bekerja keras melakukan penambahbaikan bagi memastikan perkhidmatan dan pentadbiran organisasi ini sentiasa bertepatan dengan visinya iaitu menjadikan Johor Bahru bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari. Dirgahayu bandar raya Johor Bahru!.


MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

RAI SAMBUTAN **JUBLI PERAK**



Bermulanya Sejarah Bandar Raya

Tanggal 1 Januari 1994, terlahir peristiwa bersejarah perisytiharan Johor Bahru sebagai sebuah 'bandar raya'. Era baharu status bandar raya Johor Bahru ini telah diisytiharkan secara rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail, Sultan Johor yang memerintah pada ketika itu. Lebih 400,000 warga kota hadir merayakan detik bersejarah dan penuh gilang-gemilang itu bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru.



MBJB, Pihak Berkuasa Tempatan Unggul

MBJB diberi kuasa menerusi Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan beberapa akta lagi untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Pentadbiran MBJB diterajui oleh seorang Datuk Bandar serta dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAWANYA, pemerintah negeri Johor Bahru di negeri Johor telah ditetapkan sebagai pemerintah yang diperibadikan dengan nama dan gambar Mula Perbandaran Johor Bahru.


SEKUTERA PENGUNJIAN TARAF BANDARAYA KEPADA MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU

Surutara Pengujian Yang Di Perintah Sultan Iskandar Sultan Johor

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



Senarai Datuk Bandar MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



DATUK BANDAR PERTAMA
YB DATO' HAJI HASHIM
BIN YAHYA

Tempoh Berkhidmat:
1 Januari 1994 – 5 September 2000



DATUK BANDAR KEDUA
YB DATO' HAJI JOHARI
BIN SURATMAN

Tempoh Berkhidmat:
6 September 2000 – 21 Februari 2003



DATUK BANDAR KETIGA
YB DATO' HAJI WAHID
BIN HAJI DAHLAN

Tempoh Berkhidmat:
22 Februari 2003 – 21 Februari 2006



DATUK BANDAR KEEMPAT
YB DATO' HAJI ABD LATIFF
BIN YUSOF

Tempoh Berkhidmat:
22 Februari 2006 – 31 Oktober 2006



DATUK BANDAR KELIMA
YB DATO' MOHD NAIM
BIN NASIR

Tempoh Berkhidmat:
1 November 2006 – 31 Julai 2009



DATUK BANDAR KEENAM
TUAN HAJI MOHD
JAAFAR BIN HAJI AWANG

Tempoh Berkhidmat:
1 Ogos 2009 – 7 Ogos 2011



DATUK BANDAR KETUJUH
TUAN HAJI BURHAN
BIN AMIN

Tempoh Berkhidmat:
8 Ogos 2011 – 2 Jun 2013



DATUK BANDAR KELAPAN
YB DATO' HAJI ISMAIL
BIN KARIM

Tempoh Berkhidmat:
3 Jun 2013 – 13 April 2014



DATUK BANDAR KESEMBILAN
ALLAHYARHAM YB DATO' HAJI ABDUL
RAHMAN BIN MOHAMED DEWAM

Tempoh Berkhidmat:
21 April 2014 – 15 Ogos 2015



DATUK BANDAR KESEPULUH
YB DATO' HAJI A. RAHIM
BIN HAJI NIN

Tempoh Berkhidmat:
16 Ogos 2015 – 22 Oktober 2017



DATUK BANDAR KE-11
YB DATO' HAJI AMRAN
BIN A.RAHMAN

Tempoh Berkhidmat:
23 Oktober 2017 – KINI

Johor Bahru... DULU & KINI



Menara Mahkota
1970-an



Perhentian bas di hadapan
Hospital Sultanah Aminah
1980-an



Gerai Pantai Lido
1980-an



Medan Selera Intan 1980-an



Pusat Bandar Johor Bahru
berdekatan JB Sentral



Gerbang Sempadan
Johor Bahru di Jalan Skudai



Jeti Stulang



Jalan Skudai, Sebelah Kiri
adalah Skudai Kiri & Sebelah
Kanan adalah BBL Sekitar 1980-an



Pantai Lido 1980-an



Kerja-Kerja Pengindahan
Lanskap Jalan Bukit Meldrum
1980-an



Taman Pelangi Johor Bahru
1980-an



Pawagam Broadway Johor Bahru



Masjid Sultan Abu Bakar,
Masjid Negeri Johor
Darul Ta'zim



Bangunan Warisan di tiang
Jembatan Lebuhi Raya



Stesen Bas Jalan Trus 1980-an



Jalan Tun Abdul Razak 1980-an




Pasar Besar Johor Bahru
1980-an



Wakaf Pantai Lido 1980-an




Tambah Johor pada waktu
malam



JB Sentral



Sungai Segget



Jalan Wong Ah Fook
1990-an



Gerai Tebian Tebrau
1990-an



Medan Selera
Kg. Melayu Majidee 1990-an



Bangunan Majlis Perbandaran
Johor Bahru Pada Tahun 1990-an



Pemandangan bandar raya
Johor Bahru dari ruang udara

MALAM APRESIASI MEDIA
 sempena sambutan
Jubli Perak
 MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
 2018



MALAM APRESIASI MEDIA

Rai Rakan Media MBBJ

Teks Oleh: Nurul Shafina Shaari

21 NOVEMBER 2018 – Sempena Sambutan Jubli Perak, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berkesempatan sekali lagi meraikan rakan media MBBJ dalam program Malam Apresiasi Media yang bertemakan rona perak (*silver*) bertempat di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru.

Program yang telah mencapai tahun kedua penganjurannya ini diisi dengan beberapa acara menarik antaranya sesi Pelancaran Kalendar Program Sempena Sambutan Jubli Perak MBBJ, Pelancaran Logo Sambutan Jubli Perak MBBJ dan Penyampaian Anugerah Rakan Media MBBJ. Pelancaran logo Jubli Perak dan Kalendar Program Sempena Sambutan Jubli Perak telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Turut hadir Encik Abdul Hadi bin Mohd Yusoff, Pengarah Jabatan Penyiaran Negeri Johor dan tetamu jemputan yang terdiri daripada rakan media MBBJ dari pelbagai rangkaian syarikat pengeluaran akhbar termasuklah Utusan Malaysia, Sinar Harian, *New Straits Times*, *Harian Metro*, *China Press*, Unit Media PDRM, Media Prima TV3, Astro Awani, RTM, Best FM dan banyak lagi di samping kehadiran pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru.



1. Mayor's Pick (Agency) – RTM Johor



2. Mayor's Pick (Individual) – Allahyarham Encik Abdul Halim Said, *New Straits Times*



3. Gold Award – Sinar Harian



4. Silver Award – The Star



5. Bronze Award – China Press



Sebagai menghargai usaha Rakan Media yang sentiasa proaktif membuat liputan program dan dasar MBBJ, agensi media yang bertuah akan menerima Anugerah Rakan Media MBBJ dari pelbagai kategori seperti *Mayor's Pick*, *Gold Award*, *Silver Award* dan *Bronze Award*.



MALAM PENGHAYATAN ISLAM

Zahir Kesyukuran Sempena Tahun Baharu

Teks Oleh : Yusufhasni bin Montalib

3 JANUARI 2019 – Malam Penghayatan Islam telah diadakan di Masjid Jamek Bandar Baru Uda, Johor Bahru sempena meraikan sambutan Jubli Perak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Penganjuran program ini bertujuan melahirkan tanda kesyukuran dan memohon ke hadirat Allah SWT agar kehadiran tahun baharu 2019 akan membawa bandar raya Johor Bahru ke arah sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari selaras dengan visinya.

Program ini bermula seawal jam 6.00 petang dengan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat, diikuti sesi penyampaian bantuan khas kepada kira-kira 100 anak-anak yatim dari Asrama Kebajikan Ar-Rayyan, Rumah Anak Yatim Saffar dan Pertubuhan Kebajikan Baitul Magfirah, oleh YB Dato' Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.



Turut hadir memeriahkan program ini ialah YB Tn. Hj. Akmal Nasrullah Mohd Nasir, Ahli Parlimen Johor Bahru, YB Tn. Mohd Izhar Ahmad, ADUN Larkin serta barisan Ahli Majlis dan pegawai MBJB.

Selepas solat fardu Maghrib berjemaah, berlangsungnya sesi ceramah perdana berjudul *'Bahagia Dengan Memberi'* oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Elyas bin Ismail, personaliti dakwah radio dan rancangan televisyen seperti Astro, Al-Hijrah, TV3, TV9, RTM dan motivator. Program Malam Penghayatan Islam kali ini berjaya menarik kehadiran kira-kira 2,000 jemaah yang mengimarahkan masjid berkenaan dengan pengisian slot program yang bermanfaat.



Majlis PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2019

Teks Oleh: Sarwan bin Sirkam

8 JANUARI 2019 – Perhimpunan awal tahun Majlis Bandaraya Johor Bahru yang diadakan pada setiap awal tahun baharu melibatkan pengurusan tertinggi MBBJ, Ahli-Ahli Majlis dan seluruh warga kerja. Majlis bermula dengan ketibaan YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru yang melakukan pemeriksaan perbarisan anggota penguatkuasaan, nyanyian lagu Bangsa Johor, lagu Negaraku dan lagu Bandar Raya (Impian Terlaksana), Bacaan Asma'ul Husna, tayangan video sorotan peristiwa tahun 2018, bacaan ikrar dan ucapan amanat daripada Datuk Bandar Johor Bahru.

Menerusi amanat sempena tahun baharu 2019, iaitu tahun Jubli Perak, beliau berkesempatan memperkenalkan barisan Ahli Majlis lantikan sesi 1 dan 2, membentangkan prestasi kewangan serta pencapaian yang telah dikecapi sepanjang tahun 2018 dan hala tuju organisasi pada masa akan datang.

YB Datuk Bandar juga berbesar hati menyampaikan penghargaan kepada warga kerja MBBJ yang telah merangkul pelbagai anugerah di peringkat daerah, kebangsaan dan antarabangsa, jabatan-jabatan yang telah mencatatkan penyelesaian aduan awam tertinggi serta anggota yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang perkhidmatan tahun 2018.

Selain itu, turut diadakan sesi ceramah motivasi berjudul '*Menyingkap Tirai Minda*' bersama Dr. Hj. Celemans bin Hj. Kasim, Ketua Sekretariat, Bahagian Komunikasi Strategik, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya.



31 JANUARI 2019
(KHAMIS)
25 JAMADILAWAL 1440H

Majlis Perasmian
& Pelancaran Manual
'DCP JOHOR'
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



Majlis Pelancaran & Perasmian MANUAL DCP JOHOR

Teks Oleh: Rosli bin Yusop

31 JANUARI 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan Majlis Perasmian dan Pelancaran Manual DCP Johor yang telah diadakan di *Grand Ballroom Hotel Holiday Villa*, Johor Bahru. Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh YB Tuan Tan Hong Pin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi Johor. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ, Pn. Sahmilah bt. Mahsuri, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan dan barisan dif kehormat yang lain.

Seramai 145 orang peserta telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada wakil daripada Jabatan Kerajaan Tempatan, pihak *Real Estate & Housing Developers Association (REHDA)*, ketua-ketua jabatan MBBJ, jabatan-jabatan teknikal dalaman MBBJ dan luar, ketua-ketua Unit Pusat Setempat (OSC) dan Pegawai Perancang PBT di negeri Johor, pemaju-pemaju dan pihak perunding serta fasilitator DCP Johor.

Matlamat utama program ini untuk menambahkan kecekapan dan keberkesanan urusan permit pembinaan, manakala objektif pelaksanaannya bertujuan melupuskan permit-permit yang tidak diperlukan, membolehkan permohonan dan kelulusan secara serentak, menyatukan permit-permit yang bersesuaian, penyediaan prosedur dan proses kelulusan yang telus serta menerima amalan peraturan terbaik untuk diselaraskan dengan prosedur sedia ada.





Perasmian

ZERO MILE, LARIAN ZERO MILE & JB WAKE UP! CAR FREE DAY

Berlangsung Serentak

Teks Oleh: Mohamad Rashid bin Selamat

2 FEBRUARI 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan program tiga dalam satu iaitu Perasmian Arca Zero Mile, Larian Zero Mile dan JB Wake Up! Car Free Day sempena sambutan Jubli Perak Majlis Bandaraya Johor Bahru yang diadakan di hadapan bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Perasmian Arca Kilometer Sifar atau Zero Mile ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Tan Hong Pin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains & Teknologi Negeri Johor. Turut sama menyaksikan detik bersejarah itu ialah YB Dato' Haji Amran bin A.Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru dan barisan dif kehormat yang lain. Binaan arca ini secara tidak langsung menjadi sebuah monumen berharga dengan nilai sejarah tersendiri yang mampu menarik kunjungan para pelancong yang datang ke Johor Bahru.

Turut berlangsung, acara Larian Zero Mile yang melibatkan kira-kira 300 peserta bagi kategori Terbuka Dewasa bagi jarak 12km, manakala kategori Pelajar bagi jarak 5km dengan penyertaan kira-kira 200 peserta. Program ini diserikan lagi dengan aktiviti santai, JB Wake Up! Car Free Day yang menampilkan pelbagai aktiviti sihat menarik kepada pengunjung yang hadir.



SEKITAR...PROGRAM & AKTIVITI

Info Kilometer Sifar atau 'Zero Mile'



Arca Kilometer Sifar atau Zero Mile di Semenanjung Malaysia terletak betul-betul di hadapan Pejabat Pos Besar Johor Bahru. Struktur arca ini yang mempunyai tulisan 'KM 0' menjadi tempat penanda utama untuk jalan raya yang bermula dari Johor Bahru yang termasuk Laluan Persekutuan 1, Laluan Persekutuan 3 dan Laluan Persekutuan 5 di Malaysia.

Larian Zero Mile



JB Wake Up! Car Free Day





DISOKONG OLEH



FIESTA MBBJ

Sempena

SAMBUTAN JUBLI PERAK, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (1994-2019)

DISEMPURNAKAN OLEH

IG. DATO' DR. MAZLAN YUSOF
PENGARAH, L. MODENAN T. AN & PERAN AN PENGUL. MALAYSIA (M)



ANJURAN FIESTA MBBJ, RAI SAMBUTAN JUBLI PERAK



Teks Oleh: Nurul Shafina Shaari

Bersempena sambutan Jubli Perak Majlis Bandaraya Johor Bahru (1994-2019), pelbagai aktiviti telah dirancang khas untuk warga bandar raya Johor Bahru. Antara sambutan yang dianjurkan ialah Fiesta MBBJ 2019 yang diadakan pada 28 Februari 2019 hingga 3 Mac 2019 di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Fiesta MBBJ 2019 menampilkan beberapa program dan aktiviti yang diadakan seperti jualan cenderamata Jubli Perak dan kemahkotaan, booth gerai jualan dan promosi, pameran Jubli Perak, pameran jabatan dan bahagian MBBJ, agensi kerajaan dan swasta, Kejohanan e-Sukan Piala Datuk Bandar, mini zoo, archery, pemeriksaan kesihatan percuma dan derma darah serta banyak lagi.

Turut diadakan kuiz secara online Kahoot! dan hadiah pengunjung bertuah yang bernilai kira-kira RM10,000 untuk dimenangi. Orang ramai juga boleh mendapatkan potongan sebanyak 70% diskaun untuk semua kompaun MBBJ kecuali kompaun yang berstatus operasi penguatkuasaan.



Majlis Perasmian Fiesta MBBJ

Fiesta ini dimulakan dengan Majlis Perasmian Fiesta MBBJ yang disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Mazlan bin Yusoff, Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Turut hadir, YB Dato' Haji Amran bin A.Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru. Majlis berlangsung dengan gimik pelancaran Fiesta MBBJ, penyampaian cenderamata dan lawatan di sekitar tapak Fiesta MBBJ.

Bual Bicara-Apa Islam Kata: 'Sannah Helwah'

Segmen bercorak santai dan islamik turut diadakan dengan judul 'Bual Bicara-Apa Islam Kata: Sannah Helwah atau Selamat Hari Lahir', memperihalkan isu mengenai tatacara meraikan setiap sambutan ulang tahun mengikut perspektif Islam. Program bual bicara ini menampilkan dua personaliti dakwah selaku panelis iaitu Al-Fadhil Ustaz Harryanto Rizal Rokman dan Al-Fadhilah Ustazah Shadiya Abbas dan Da'i Izhar Nazri selaku moderator.

HARI PERTAMA
Khamis, 28 Februari 2019



Pertandingan Kawad Kaki Piala Datuk Bandar

Berlangsung Pertandingan Kawad Kaki Sekolah-Sekolah Rendah Piala Datuk Bandar Johor Bahru Peringkat Negeri Johor 2019 yang diadakan pada 1 Mac 2019 (lelaki) dan 2 Mac 2019 (perempuan) dengan penglibatan pelajar sekolah dari seluruh daerah negeri Johor.

Acara Sukaneka

Pada sebelah petang, diadakan acara sukaneka yang terbuka kepada anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru dan masyarakat sekitar bandar raya. Antara sukaneka yang dipertandingkan ialah permainan dart, baling tin dan bola kelapa, bawa bola ping pong dalam sudu, cari gula dalam tepung dan tarik tali. Pemenang dari tempat pertama hingga ketiga akan membawa pulang wang tunai dan hamper.

Bagi warga bandar raya yang gemar beriadah, Dataran Recreational Night diadakan bermula jam 8.30 malam, dengan aktiviti riadah seperti zumba, sukan basikal dan banyak lagi.

'Hot Air Balloon'

Pada sebelah malam pula, warga Johor Bahru berpeluang menaiki belon udara panas atau Hot Air Balloon yang julung kali diadakan pihak MBBJ. Pengunjung berpeluang menikmati keindahan panorama bandar raya Johor Bahru dengan ketinggian kira-kira 60 kaki, pada 1 dan 2 Mac 2019.



HARI KEDUA
Jumaat, 1 Mac 2019





SEKITAR...PROGRAM & AKTIVITI **FIESTA MJB 2019**



'JB Wake Up! Car Free Day'

Program 'JB Wake Up! Car Free Day' kali ini diadakan di Dataran Bandaraya Johor Bahru seawal jam 7.30 pagi. Selain itu, turut diadakan pertandingan mewarna, pertandingan bercerita tahap 1 dan 2 peringkat negeri Johor, pertandingan mini mural dan pertandingan reka cipta dan inovasi dari bahan terpakai peringkat negeri Johor bermula jam 10.00 pagi.

'FESTIVITIES@IIBD'

Pada sebelah malam, pengunjung Dataran Bandaraya dihiburkan dengan 'FESTIVITIES@IIBD' anjuran bersama Ibrahīm International Business District yang menampilkan persembahan artis popular iaitu Ella, M.Nasir dan Shahrol Shiro.



HARI KETIGA
Sabtu, 2 Mac 2019





SEKITAR...PROGRAM & AKTIVITI **FIESTA MBBJ 2019**



Pertandingan Memasak Anjuran Pusanita MBBJ

Pada hari terakhir Fiesta MBBJ, diadakan Pertandingan Memasak anjuran Pusanita MBBJ bersama Syarikat Faiza bermula jam 10 pagi. Seramai 20 orang peserta mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang terdiri daripada Ahli Pusanita MBBJ dan keluarga masing-masing.

Peserta perlu menyediakan menu Nasi Beriani Ayam dengan persembahan kreativiti masakan masing-masing. Pertandingan ini dirasmikan oleh YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Pertandingan ini secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturahim antara Ahli Pusanita dan keluarga serta mencungkil bakat peserta dalam bidang kulinari.

Pameran Motor dan Kereta Klasik

Pada sebelah petang, diadakan pula pameran 50 buah kereta klasik dan 50 buah motor klasik seperti Lambretta dan Vespa, hasil kerjasama Persatuan Lambretta Johor, Persatuan Motosikal Vespa dan Persatuan Kereta Klasik. Konvoi 'Sun Ride Datuk Bandar' dengan menaiki kereta klasik juga diadakan bermula dari Laman Mahkota menuju ke Dataran Bandaraya Johor Bahru.

HARI KEEMPAT
Ahad, 3 Mac 2019



Majlis Pelancaran Program
'Kita Recycle' Zon Taman Molek
Tarikh: 23 Januari 2019



1

Program Ramah Mesra Bersama
Komuniti di Dewan Raya
Kg. Skudai Kiri, Zon Tampoi
Tarikh: 26 Januari 2019



2

Program Search a
di Jalan Ru Tam
Zon Kebu
Tarikh: 26 Ja



Program Ramah Mesra Bersama
Komuniti di Dewan Raya
Kg. Skudai Kiri, Zon Tampoi
Tarikh: 16 Februari 2019



6

PROGRAM ZON RAH

Forum Menangani Jenayah Komersil
di Taman Bestari Indah,
Zon Pelangi Indah
Tarikh: 23 Februari 2019



8

Program Getong-Royong Komuniti
Rela di PPR Sri Iskandar,
Zon Bakar Batu
Tarikh: 24 Februari 2019



10

Program Prihatin Bandar Raya
di Pangsapuri Kenanga,
Zon Tampoi
Tarikh: 16 Mac 2019



11

Program 'Sea
(SND) di Flat
Zon Bu
Tarikh:



Search and Destroy (SND) di
Taman Kebun Teh,
Bandar Baru Uda
16 Januari 2019



3

Sambutan Tahun Baru Cina di
Dewan Taman Puteri Wangsa,
Zon Pelangi Indah
Tarikh: 2 Februari 2019



4

Program Inisiatif Kebun
Kejiranan di Jalan Padi Ria,
Bandar Baru Uda
Tarikh: 13 Februari 2019



5

Sambutan Tahun Baru Cina di
Sek. Poon Yew 5 Taman Mount
Austin, Zon Mount Austin
Tarikh: 16 Februari 2019



6

LIMA MAJLIS & LAZM

Program Bandar Raya Prihatin
di Jalan Pinang 3,
Zon Kangkar Daya
Tarikh: 23 Februari 2019



9

Search and Destroy (SND) di
Taman Desa Kempas,
Bandar Baru Uda
16 Mac 2019



12

Program 'Search and Destroy' (SND) di
Jalan Lembang Taman Sri Tebrau,
Zon Taman Pelangi/Taman Sentosa
Tarikh: 16 Mac 2019



13

Gotong-Royong di Pangsapuri Fasa
3 Bandar Baru Uda,
Zon Bandar Baru Uda
Tarikh: 17 Mac 2019



14



SESI 'CLOCK IN'

ENCIK ABDUL MALIK BIN HAJI ISMAIL

Setiausaha, Majlis Bandaraya Johor Bahru

Teks Oleh: Norasmah binti Mohd Adros

3 FEBRUARI 2019 – Warga Majlis Bandaraya Johor Bahru menzahirkan rasa sukacita menerima kehadiran Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru yang baharu, iaitu YBhg. Encik Abdul Malik bin Haji Ismail yang menggantikan, Haji Sidek bin Paiman yang kini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS). Sesi clock in atau 'rakam masuk' ini dihadiri oleh ketua jabatan dan bahagian serta warga kerja MJB, Ahli Majlis dan seluruh warga kerja mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada YBhg. Encik Abdul Malik bin Haji Ismail atas pelantikan sebagai Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru yang baharu. Selamat berkhidmat!





DATUK BANDAR JOHOR BAHRU *Meterai Memorandum Persefahaman* bersama PEMERINTAH KOTA TG. PINANG, INDONESIA

Teks Oleh: Mohamad Rashid bin Selamat

14-15 FEBRUARI 2019 – YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru bersama beberapa ketua jabatan dan bahagian Majlis Bandaraya Johor Bahru berkesempatan memenuhi undangan H.Syahrul, S.Pd, Walikota Tg. Pinang ke Festival Pulau Penyengat yang diraikan warga Kepulauan Riau itu.

Kunjungan tersebut juga bagi mencapai hasrat kedua-dua kepimpinan iaitu Datuk Bandar Johor Bahru dan Pemerintah Kota Tg. Pinang bagi menandatangani Memorandum Persefahaman Kerjasama Pengembangan dan Promosi Kebudayaan dan Pariwisata. Selain itu, persefahaman tersebut diharapkan dapat menarik kunjungan pelancong sama ada domestik mahupun antarabangsa antara dua daerah, iaitu Kota Tg. Pinang dan bandar Raya Johor Bahru. Perjanjian itu telah ditandatangani secara bersaksi di kediaman Walikota Tanjung Pinang pada 14 Februari 2019.





Program Aspirasi Keselamatan PDRM dan Cuepacs di Perbadanan Produktiviti Malaysia, Bandar Baru Uda

Tarikh: 15 Januari 2019



Sambutan Thaipusam di Kuil Arulmigu Thendayuthapani, Wadi Hana

Tarikh: 21 Januari 2019



Perasmian Pusat Khidmat Ahli Parlimen Johor Bahru di Larkin Idaman

Tarikh: 26 Januari 2019



Pertandingan Memanah di SK Perumahan Tampol 2

Tarikh: 15 & 16 Februari 2019



Pelancaran Projek Pendidikan Bersepadu Yayasan Bandaraya Johor Bahru di Angsana Johor Bahru Mall

Tarikh: 19 Februari 019



Perarakan Pesta Chingay di Jalan Wong Ah Fook, Pusat Bandar Johor Bahru

Tarikh: 25 Februari 2019



Program Membudayakan Al-Quran dan Tazkirah di Dewan Jubli Intan

Tarikh: 7 Mac 2019



Global Covenant of Mayors for Energy and Climate Change Project di Hotel Double Tree by Hilton, Johor Bahru

Tarikh: 21 Mac 2019





LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, KEDAH

Tarikh : 10 Januari 2019
Objektif : Mempelajari tentang pengurusan landskap yang dipraktikkan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.
Jumlah peserta : 30 orang
Jabatan terlibat : Jabatan Landskap



LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN JELEBU, NEGERI SEMBILAN

Tarikh : 7 Mac 2019
Objektif : Mempelajari tentang operasi perniagaan di Bazar Karat, Johor Bahru.
Jumlah peserta : 4 orang
Jabatan terlibat : Jabatan Pelesenan

Info **LAWATAN**



LAWATAN DARI KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR, KOTA TINGGI

Tarikh : 20 Mac 2019
Objektif : Mempelajari skop tugas dan aktiviti Jabatan Penguatkuasaan yang diamalkan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.
Jumlah peserta : 10 orang
Jabatan terlibat : Jabatan Penguatkuasaan



LAWATAN DARI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU

Tarikh : 7 Mac 2019
Objektif : Mempelajari tentang Sustainable Urban Landscape Design di kawasan bandar raya Johor Bahru.
Jumlah peserta : 33 orang
Jabatan terlibat : Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Landskap



LAWATAN DARI BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, PERBADANAN PUTRAJAYA

Tarikh : 25 Mac 2019
Objektif : Mempelajari tentang sistem pengurusan sumber manusia dan pelaksanaan garis panduan latihan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.
Jumlah peserta : 7 orang
Jabatan terlibat : Jabatan Khidmat Pengurusan

KILAS



TEMU BUAL DATUK BANDAR JOHOR BAHRU BERSAMA MEDIA ASTRO AWANI

15 Januari 2019 – Sesi temu bual ini memperihalkan berkaitan pelaksanaan bayaran cukai, penyelenggaraan Laman Mahkota sebagai simbol ikon diraja Johor dan destinasi pelancongan serta hala taju dan perancangan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi memastikan Johor Bahru sentiasa unggul menjelang tahun 2020.



SEMINAR PENGURUSAN STRATA BERI PENDEDAHAN ASAS PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA

27 Januari 2019 – Seminar ini dianjurkan bagi memberi pendidikan asas kepada pihak yang terlibat dengan pengurusan bangunan berstrata mengenai ketetapan yang termaktub dalam peruntukan Akta 757. Pengetahuan ini termasuklah berkaitan peranan, tindakan penguatkuasaan dan sebagainya yang perlu dipatuhi sama ada oleh Ahli Jawatankuasa Joint Management Body, Management Corporation, pemaju dan ejen pengurusan.



PENDEDAHAN ILMU PENYELENGGARAAN POKOK MELALUI KURSUS AMALAN TERBAIK ARBORIKULTUR LANDSKAP

26-27 Februari 2019 – Kursus yang dianjurkan buat kali ke-10 ini dibimbing oleh 'Arboris' bertauliah seMalaysia dan memberi pendedahan kepada peserta mengenai tatacara mengikut amalan terbaik arborikultur dan piawaian landskap Majlis Bandaraya Johor Bahru. Peserta juga didedahkan mengenai teknik spesifik mengikut skop kerja kontraktor semasa di tapak serta tatacara kerja pangkasan pokok dalam memastikan aset hidup pokok ameniti dapat diselenggara dengan baik.





SUKAN

BANDAR RAYA

Teks Oleh : Romzi bin Yusof

Majlis Bandaraya Johor Bahru tampil menyerlah dengan anggotanya yang cemerlang dalam penglibatan acara sukan mewakili Pihak Berkuasa Tempatan ini sama ada bersifat nasional mahupun antarabangsa. Syabas diucapkan!



SUKAN ANTARA JABATAN DALAMAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (KAROM)

Tarikh : 21 Februari 2019
Lokasi : Atrium JOTIC Johor Bahru



SUKAN ANTARA JABATAN DALAMAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (DART)

Tarikh : 24-25 Januari 2019
Lokasi : Atrium JOTIC Johor



KEJOHANAN JB CHESSMASTER 2019

Tarikh : 16 Mac 2019
Lokasi : Atrium JOTIC Johor Bahru



MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

*Memberikan Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan*



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

*Peti Surat 232, Jalan Dato' Onn,
80720 Johor Bahru, Johor.*

No. Tel : 07-219 8000 Faksimile: 07-223 0619

Talian Bebas Tol: 1-300-88-0146

Whatsapp Aduan: 019-778 8212

Laman SISPAA: mbjb.spab.gov.my

E-mel: info@mbjb.gov.my

ISSN 2637-1014

